

## Sejarah Lisan Tuan Haji Yacob bin Haji Abdullah

### Penemuramah 1

Saya Kamarulzaman bin Mahmud. Ketua Unit Koleksi Terengganu bersama dengan Lembaga Muzium Negeri Terengganu akan menemuramah Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah berkenaan sejarah kedatangan kaum Yunan ke Terengganu. Ok Tuan Haji. Boleh Tuan Haji ceritakan latar belakang diri Tuan Haji?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Keluarga?

### Penemuramah 1

Ha. Diri Tuan Haji sendiri. Lahir pada tahun berapa?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Saya Mohd Yacob bin Haji Abdullah. Telah dilahirkan di Kuala Terengganu, Kedai Payang pada 23.12.1916. Dan saya telah mendapat pelajaran sekolah melayu mulai tahun 1927 hingga 1931. Lulus darjah enam sekolah melayu Paya Bunga Terengganu. Tahun 1932 saya mulai masuk sekolah inggeris di namakan sekolah Grammar Inggeris School Kuala Terengganu. Sehingga tahun 1936 lulus dalam darjah tujuh dan tahun 1936 hingga tahun 1937 saya tidak mempunyai pekerjaan apa-apa. Pada tahun 1938 saya dipanggil oleh Tuan Tee Heck Lee semasa itu sebagai Pesuruhjaya Tanah dan Galian. Saya bekerja sebagai kerani sementara di Pejabat Tanah dengan dibayar gaji daripada iaitu sebanyak dua puluh lima ringgit sebulan. Pekerjaan saya selain daripada menyalin segala data mukim-mukim, saya selalu keluar memungut hasil bersama-sama dengan pemungut hasil tanah Kuala Terengganu.

Dalam tahun 1938 kerajaan mengadakan ram kempen pungut hasil mukim-mukim. Saya telah diberi kuasa menandai tangan resit hasil dan saya ditempatkan di rumah penghulu Manir selama tiga, empat bulan. Pungutan hasil daripada mukim Manir, Belara dan Pulau Sekati semuanya bayar disitulah. Tiap-tiap hari Khamis datang memungut, mengambil duit collection tadi seminggu sekali. Sehingga beberapa bulan bersihlah segala apa ni tunggakan-tunggakan hasil tu. Saya dipindahkan ke Bukit Payung. Bukit Payung demikian juga. Saya diberi kuasa menandai tangan resit. Saya bekerja di Bukit Payung hampir tiga bulan. Selesai segala apa ni tunggakan-tunggakan hutang. Masuk Pengadang Buluh. Kemudian saya dipanggil balik ke Kuala Terengganu pula. Dan tahun 1940 saya ditetapkan sebagai kerani kekal. Dan tahun 1940 akhir tahun saya ditukar

pergi ke Dungun sebagai kerani Pejabat Tanah. Di Dungun saya bekerja sebagai kerani kanan dalam Pejabat Tanah lebih kurang setahun. Pegawai daerah baru yang datang Haji Dol bin Abdullah telah mengambil saya menjadi sebagai kerani besar dia. Saya lepaskan jawatan sebagai kerani Pejabat Tanah. Begitulah seterusnya sehingga beberapa orang pegawai daerah. Saya bekerja sebagai kerani besar dia. Sehinggalah pecah perang. Masa tu AE Kemaman bertempat di Pejabat Daerah Dungun untuk mengawasi orang-orang Jepun yang berkhidmat di Dipermaining Company.

Dalam masa pemerintahan Jepun, saya bekerja sebagai kerani pegawai daerah jugak. Di bawah pegawai daerah Encik Khalid bin Kasim. Dalam masa yang benar sekali masa Jepun ni bukanlah apa ni kerjanya susah sangat. Tidak. Kerjanya macam biasa juga. Cuma pegawai daerah saja yang masa tu kekurangan arang batu. Nak masak bijih besi tu menjadi besi dan hantar ke Jepun. Pegawai daerah dipaksa mengerah orang-orang kampung pergi ke hutan menebang pokok-pokok buat kayu api. Disinilah timbulnya soalan apa ni orang-orang kampung tak puas hati kerana yang setengah ada duit, makna tu sikit dia lepas. Tak kena kerah. Dia ambil sikit saja yang kena. Menyebabkan orang kampung tak puas hati keadaan pegawai daerah buat cara macam ni.

Setelah Jepun masuk tahun 45 begitulah. Pemerintahan Jepun daripada tahun 41 hingga 45. Tahun 45. Komunis ambil alih. Apabila Jepun serah diri saja, komunis ambil alih. Semasa komunis ambil alih nilah arwah DO saya Encik Khalid telah dibacarkan oleh mahkamah rakyat. Dipanggil mahkamah rakyat di dalam dewan. Di atas panggung wayang di dalam halaman dipanggil tamen hiburan. Pada mulanya tiada siapa pun nak menuduhkan ~~yang~~ pegawai daerah tu zalim. Tapi setelah lama, pengurus PD masa tu namanya Jalil. Dia pun bersuara. Dia kata kalu (kalau) tuan-tuan taknak buat aduan apa-apa atas Encik Khalid ni, kita lepas dia. Dengan perkataan itu, semangat pendengar-pendengar yang ada di bawah tu bangkit dan dituduh dia pengkhianat dan dibacarkan. Sebab ada tuduhan mengatakan dia tu pengkhianat. Mahkamah jatuh hukum bunuh dengan ditembak. Dia dihukum bunuh dengan ditembak dengan seorang lagi spy Jepun. Selepas itu dia tulis apa dok (tak) tahulah. Angka cina dia tampal di belakang baju dan diiringi pergi ke padang kelab kerajaan di tanah lot. Dan disitulah dia ditembak oleh komunis ni dengan seorang spy Jepun lagi. Dan jasad dia dikebumikan di tanah perkuburan dekat situ jugak. Tak berapa jauh. Itu sejarah arwah Encik Khalid bin Kasim.

Penemuramah 1

Jadi Tuan Haji pencen pada kerja tu dalam tahun berapa? Dengan kerajaan.

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Tahun 40. Jepun masuk tahun berapa? Tahun 41. Ha, tahun 42 begitulah.

Penemuramah 1

Haji pencen awallah?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Emmm.

Penemuramah 1

Tuan Haji, sekarang saya nak tanya tentang asal usul kedatangan ayahanda Tuan Haji. Haji Abdullah daripada tanah besar China tu. Lepas tu dia punya perpindahan dia daripada tanah besar China ke Singapura. Kemudian baru ke Terengganu. Boleh Tuan Haji cerita dok (tak)? Start daripada kawasan di kawasan Quantong.

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Ayah saya ni yang sebenar sekali dia keturunan yang kesepuluh dah daripada keluarga ni. Keluarga dia adalah satu keluarga macam diberi tauliah untuk menjaga orang-orang Islam di kawasan Quantong, dekat dengan Hong Kong. Apabila arwah bapa dia meninggal, dia ayah saya ni ada mempunyai dua beradik, tiga beradik. Sorang perempuan dan seorang laki-laki. Apabila ayahnya meninggal, jadi sepatutnya dialah mengganti jawatan tu. Tapi oleh sebab dia anak yang kedua laki-laki, abang dia ada lagi. Jadi pihak berkuasa tak beri dia pegang jawatan tu. Nak beri kepada abang dia, abang dia tu seorang kaki judi. Jadi tak beri ke dialah. Beri ke keluarga lain. Jadi dengan perasaan yang putus harap dia. Patut dia yang mengganti tempat abang dia walaupun maknanya abang dia tak layak, patut dialah gantikan. Tapi pihak berkuasa tak beri dia. Jadi dia berasa merajuk. Dia kata daripada kata apa ni apa nak cakap. Ada pepatah kata tu. Dia taknak lagi duduk disitu. Sebab jawatan tu tak boleh ke dia. Dia kata untung sabut timbul, untung batu tenggelam. Dia pun berpaket dengan ibu saya yang dia nak berhijrah keluar daripada Quantong.

Dia terus naik kapal pergi ke Singapore. Di Singaporelah ada seorang arab yang mana-mana orang Islam yang datang dari negara China semuanya dibawa balik ke apartmen dialah. Dia beri makan dan suruh

kerja. Kalu (kalau) dapat bekerja makna duduk situ takpelah. Makan tak tanggung dahkan. Jadi sebagai orang tua saya tu, dia anak kepada orang yang tak biasa kerja kuatlah. Dia pergilah bekerja mengangkat barang-barang, pungkah barang-barang daripada kapal ke gudang. Dia lebih kurang seminggu saja dia bekerja, dia sakit. Kebetulan pula bersama-sama dalam tempat dia tinggal tu ada seorang cina Islam jugak yang datang daripada Aceh. Nama dia Ali. Dia Haji Ali ni dia seorang sese. Jadi Haji Ali tulah berubatkan ayah saya ni sehingga dia sembah. Kemudian jadi dua orang ni sebagai mengaku adik-beradiklah dan diorang berpakat tak boleh lama kita duduk di Singapore ni. Sebab tidak ada nak buat ibadat susah apa. Dan diorang berpakat kemana kita nak pergi. Jadi ayah saya kata dia ada dengar di Terengganu ada seorang cina Islam. Nama Haji apa yang ada di Terengganu sekarang kata. Baik kita pergi ke Terengganulah.

Jadi setelah kedua-duanya bersetuju, mereka pun belayar dengan kapal masuk ke Terengganu. Dan kedua-duanya bekerjasamalah mencari makan dan sambil belajar hal-hal agama dengan Haji Sulaiman. Setelah beberapa lama duduk disitu, masing-masing pun teringatlah kepada anak isteri masing-masing. Masing-masing pun berpakat nak balik. Kemudian kita akan datang lagi ke Terengganu. Tempat di Terengganulah tempat yang boleh cari makan dan tempat yang boleh yang mana tempat yang cuku-cukup aman. Kemudian kedua-duanya pun baliklah. Ayah saya pun balik. Bawa isterinya datang ke sini. Sekembalinya ke sana, dia dapati anak sulungnya dan kakaknya meninggal dunia. Dia berasa cukup sedihlah. Kemudian dia datanglah ke Terengganu. Masa tu dalam pemerintahan Sultan Zainal Abidin yang ketiga. Dia mulai menjual tasbih. Cari makan gitulah. Setelah mereka balik membawa isteri, masing-masing pun cari tempat tinggal masing-masinglah. Ayah saya cari, dapat rumah di Kedai Payang. Nombor 9 Kedai Payang. Disitulah dia tinggal. Asalnya dia jual beras.

Kemudian ada seorang cina ajak dia cari bijih timah. Di Hulu Jenagor. Tapi perbelanjaan mencari bijih ni bukan senang. Sebab apa kuli-kuli tu menghisap candu. Jadi terpaksa beli candu banyak-banyak. Tapi diorang tak bekerja. Jadi saya sendiri pun tengok jugak bijih tu yang dibawa balik oleh bapa saya. Macam pasir garam tu. Tapi besar-besar, hitam. Bijih timah. Tapi tak jadi apa-apalah. Jatuh bankrap jugak. Kemudian tiada kerja yang lain, ibu saya pandai juga menseterika baju. Dia pun buka satu kedai dobi. Yang membersih, yang membasuh apa tu semuanya buruh. Cuma dia menseterika je. Tapi sebagai seorang perempuan, kaki dia kecil. Diri dua, tiga jam. Dia pun gaji sorang orang tukang seterika baju. Nama dia Che Ngah. Dia tu ada buka kedai dobi jugak. Tapi sambilan tu dia pergi bekerja dengan ibu sayalah. Tapi yang ni (tokoh ketawa) Che Ngah ni dia selalu lepas nak balik, dia gulung sehelai, dua helai baju wak (buat) lari. Jadi apabila orang datang mitok (minta) nak ambil baju tu,

tengok-tengok baju takdok (tidak ada). Surat ada ni. Terpaksa ibu saya kena gantilah. Akhir sekali ibu saya tak pakai dia lagilah.

Kemudian ayah saya tu dia sebulan sekali dia baliklah. Tapi masa itu saya dah ada abang saya yang kelima. Yang kelimalah. Dia tu ada sikit kebolehanlah. Tulisan dia cantik dan dialah yang pertama sekali menulis diatas cermin. Dan mula cuba apa ni. Ayah saya masa di Singapore dulu, dia ada berjumpa dengan seorang arab Singaporelah yang menjual kitab-kitab jawi dan Quran. Dan dia pun berjanji dengan arab tu. Kalu (kalau) dia ada peluang nak bermiaga kat kitab-kitab ni, boleh berutus dengan arab tadilah. Jadi dia pun berasa nak buka kedai tulah. Mula sekali dia jual Quran saja. Kemudian apabila ada dah Quran, ramai orang beli tu, penuntut-penuntut pondok ni datang nak berjumpa dia. Minta dia odar (order), pesan beli buku kitab jawi. Kitab Usuluddin, macam-macamlah. Daripada itulah dia mulai menjual kitab. Usuluddin. Kitab melayu. Quranlah. Yang lagi-lagi kitab jawilah dan buku-buku sekolah. Dan daripada mula itulah kita buka kedai jual buku

Penemuramah 1

Tu surat-suratkhabar pun?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Ya. Surat khabar dan suratkhabar jugaklah.

Penemuramah 1

Boleh cerita suratkhabar dulu? Sebelum ada pejabat lagi di Utusan di Terengganu.

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Suratkhabar ni susah. Dia hantar dengan lori dari Singapore. Eh, Kuala Lumpur.

Penemuramah 1

Jalan darat?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Ha. Kalu (kalau) musim hujan sikit tak bolehlah. Terpaksa naik kapal terbanglah.

Penemuramah 1

Kalu (kalau) musim tengkujuh lewatlah?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Ha.

Penemuramah 1

Berapa hari lewat?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Lewat kadang-kadang seminggu dan tulah. Semasa tu Utusan Melayu, lembaga, majlis-majlis, New Straits Times adalah. Masa laris-laris sangatnya kadang-kadang masa keputusan sekolah. Berebut-rebut orang nak baca. Nakkan suratkhabar.

Penemuramah 1

Jadi dalam Terengganu sutir kedai je jual suratkhabar?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Ya. Satu kedai. Saya kedainya.

Penemuramah 1

Di Pasar Payang tu?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Ya.

Penemuramah 1

Kedai dekat hok (yang) roboh dah sekarang?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Kedai sekarang dah diroboh oleh kerajaan. Kedai tulah. Kedai tak lari. Kedai nombor 9.

Penemuramah 1

Ada tu dok (tak)? Ingat-ingat dok (tak) pengalaman manis masa tu. Masa kat kedai-kedai lama. Ada pengalaman manis ke jaga kedai.

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Saya pun berasa sedih jugaklah maknanya. Kerajaan merobohkan rumah-rumah lama sebagai sejarah. Kalau nak dibesarkan Bandar Kuala Terengganu, hala ke Tanjung boleh. Pasal apa gi (pergi) roboh ke Kedai Payang. Kampung Cina tidak. Yang dirobohnya sepanjang sekerat tu je. Kalu (kalau) dia roboh sapa (sampai) ke Kampung Cina tu kita tak, kita puas hati jugak. (tokoh ketawa).

Penemuramah 1

Macam mana dengan ni macam keluarga lain hok (yang) masyarakat Yunan. Macam keluarga Pak memang jual kitab, jual buku, Al-Quran dok (tak). Jadi hok (yang) keluarga lain tu ada berapa keluarga gi (lagi)? Macam contoh tadi hok (yang) sebut tadi. Keluarga Pak Ali dia jual sese. Sese jual akar kayu.

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Pak Ali, Pak Daud. Itu saja.

Penemuramah 1

Dia bisnes lain-lainlah?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Makna Pak Daud tu pak sedara (bapa saudara) saya.

Penemuramah 1

Pak Musa?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Pak sedara (bapa saudara).

Penemuramah 1

Jadi masing-masing dia tak samalah bisnes dia?

Tuan Haji Mohd Yacob Tong bin Abdullah (Tokoh)

Ha. Lain.

KTC PPAT